

03 JUN 1998

NAMA CALON PILIHAN RAYA KECIL ARAU AKAN DISERAHKAN KEPADA MAHATHIR

KANGAR, 3 Jun (Bernama) -- Beberapa nama akan dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu depan sebagai cadangan calon Barisan Nasional (BN) bagi pilihan raya kecil Parlimen Arau.

Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim berkata calon yang dipilih akan diumumkan di sini pada 23 Jun, sehari sebelum tarikh penamaan calon.

Suruhanjaya Pilihan raya (SPR) hari ini mengumumkan bahawa tarikh penamaan calon bagi pilihan raya kecil itu akan diadakan pada 24 Jun dan jika ada pertandingan pengundian akan dijalankan pada 4 Julai.

Kerusi kawasan itu menjadi kosong berikutan kematian anggota Parlimennya Kamaruddin Ahmad pada 25 Mei.

Pengerusi BN negeri itu bagaimanapun berkata pemilihan calon bukan perkara utama tetapi yang penting ialah memastikan BN mengekalkan kedudukannya.

Pada pilihan raya umum lepas allhayarham Kamaruddin memperolehi 16,266 undi manakala pencabarnya calon Semangat 46, Saad @ Md Zain Hamzah memperolehi 9,337 undi.

Kawasan parlimen Arau mempunyai sebanyak 35,221 pemilih berdaftar.

-- BERNAMA

AD RON